

19 SEP 2000

Osu-UMS

OSU MAHU AGENSI KERAJAAN BANTU URUSAN PEMBANGUNAN DI SABAH

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam mahu agensi kerajaan negeri membantu mempermudah semua urusan yang berkaitan dengan pembangunan bagi memastikan projek yang dirancang dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Beliau berkata ini termasuk projek pembangunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diberikan peruntukan yang signifikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk pembangunan fasa keduanya.

"Saya akan pastikan semua agensi di bawah kerajaan negeri membantu UMS untuk mempermudah semua aspek termasuk mengurangkan karenah birokrasi agar ia dapat dinikmati rakyat dalam tempoh yang sewajarnya," katanya pada majlis perasmian kampus tetap UMS di Teluk Likas, dekat sini hari ini.

Perasmian kampus itu disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Osu berkata penubuhan UMS adalah satu aset yang boleh mendatangkan nikmat yang besar dan berpanjangan kepada rakyat Sabah khususnya golongan pelajar.

"Pada masa yang lalu, terlalu sukar bagi para pelajar di negeri ini untuk melanjutkan pengajian tinggi sama ada di Semenanjung atau luar negeri. Sekarang semuanya telah berubah...kita sudah ada universiti di Sabah," katanya.

Osu berkata, penubuhan UMS membuktikan kesungguhan kerajaan pusat membantu rakyat negeri ini dalam bidang pendidikan.

"Kerajaan negeri Sabah amat berterima kasih dan terhutang budi kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Dr Mahathir atas keputusan yang membawa kepada penubuhan universiti ini.

"Keputusan itu begitu mengharukan dan menggembirakan seluruh rakyat negeri ini," kata beliau.

Osu berkata selain UMS, Kerajaan Persekutuan juga telah membina banyak sekolah menengah dan sekolah rendah dalam usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan di negeri ini.

-- BERNAMA

NT AKD